



**TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**MAJLIS BERBUKA PUASA SINAR RAMADHAN  
1437 HIJRAH 2016**

**21 JUN 2016 (SELASA)**

**PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC)**

*(Salutation)*

Bismillahirrahmanirrahim.

## **MUKADIMAH**

Assalamualaikum, Salam Ramadhan dan Salam 1Malaysia,

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Ketua-ketua jabatan/tuan/puan, hadirin-hadirat yang saya hormati sekalian,

1. Alhamdulillah, segala pujian dan syukur saya rafak ke hadrat Allah S.W.T yang telah menganugerahi kita bulan Ramadhan Al-Mubarak, bulan yang penuh keberkatan dan gandaan pahala melebihi seribu bulan. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W dan keluarga serta para sahabat Baginda yang mulia.
2. Pertamanya, marilah kita bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan rahmat-Nya, diizinkan kita berhimpun di dewan yang mulia ini untuk sama-sama memeriahkan Majlis Berbuka Puasa Sinar Ramadhan 2016. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang dan mengalu-alukan kehadiran YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/tuan/puan ke majlis yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Hadirin sekalian,

## **SINAR RAMADHAN**

3. Terima kasih diucapkan kepada semua kerana sudi meluangkan masa untuk berbuka puasa bersama-sama dengan saya dan Kementerian di sini pada hari ini. Hari ini merupakan hari keenam belas kita menunaikan ibadah puasa, saya mendoakan agar kita semua dianugerahkan kesihatan dan kesejahteraan diri untuk menjalani ibadah ini hingga ke akhirnya.
4. Sinar Ramadhan merupakan program tahunan KPWKM yang bertujuan merapatkan ukhwah, mewujudkan semangat “kekeluargaan” dalam kalangan rakan strategik serta kumpulan sasar KPWKM.
5. Semangat mewujudkan dan mengutuhkan kekeluargaan adalah sebenarnya selari dengan agenda pembangunan lestari yang mana Kerajaan menjadikan “pengukuhan institusi keluarga sebagai teras masyarakat” dan diberi keutamaan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Ini merupakan nadi KPWKM yang jelas dengan slogan Kementerian ini iaitu “Keluarga Bahagia Negara Sejahtera”.
6. Semangat kekeluargaan yang kukuh perlulah dinamik dan perlu sentiasa menanam semangat “saling bertanggungjawab, saling melindungi dan semestinya saling menyayangi”. Dinamik juga bermaksud setiap ahli keluarga perlu peka dan bersedia untuk berbincang mengenai setiap isu yang timbul di sekeliling demi

memastikan setiap ahli keluarga bersedia dan dilindungi.

## ***SOCIAL INCLUSIVENESS***

7. Dalam kita menjalankan ibadat puasa dan membuat persiapan untuk menyambut kemunculan bulan Syawal, kita wajar memikir tentang kepahitan sebahagian daripada masyarakat kita yang kurang bernasib baik dan mencari rezeki untuk menampung kos sara hidup. Saya amat sedih apabila terbaca catatan FB seorang kanak-kanak perempuan yang mengatakan beliau hanya bersahur dengan sebiji kurma dan segelas air. Kementerian ini bertanggungjawab untuk mencapai *social inclusiveness* untuk mengintegrasikan golongan papa, kurang upaya, ibu tunggal dan yang terpinggir dalam masyarakat sebagai insan yang produktif. Tetapi catatan FB tersebut menunjukkan bahawa masalah kos sara hidup yang kian meningkat akan membebankan golongan ini dan akan mengakibatkan mereka menghadapi *social exclusiveness* dipinggirkan daripada proses pembangunan dan pemodenan negara.
  
8. Negara kita telah mencapai kemajuan dalam pembangunan tetapi di celah-celah pertumbuhan ekonomi pesat yang memajukan negara kita, terdapat juga segelintir golongan miskin yang masih hidup ibarat kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Di celah-celah proses urbanisasi dan perbandaran kawasan kampung yang berkembang maju, terdapat juga segelintir rakyat yang hidup sebagai gelandangan. Dalam kita menuju negara berpendapatan tinggi, terdapat juga golongan miskin dan daif serta orang tua yang bergantung pada bantuan dan

perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan untuk menikmati hidup sebagai seorang manusia.

9. Mengikut *World Summit for Social Development* 1995 mendefinisikan *inclusive society* sebagai “ *a society for all in which every individual, each with rights and responsibilities, has an active role to play in the society*”. Keterangkuman sosial bermakna kumpulan sasar dianggap sebagai kumpulan kurang bernasib baik dan rentan berhak untuk mendapat akses kepada pendidikan, kemudahan awam, peluang pekerjaan dan perniagaan, kesihatan serta perumahan. Malaysia kini mempunyai 2.65 juta orang tua, 550,550 orang kurang upaya, 9.9 juta kanak-kanak, 14.8 juta wanita dan 222,490 orang miskin dan miskin tegar.
10. Memang tidak dinafikan rakyat Malaysia adalah amat pemurah (*generous*) dan sentiasa bersedia untuk membantu orang yang daif dan kurang bernasib baik dengan menghulurkan derma dan sumbangan kewangan dan barangan. Malah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telahpun melaksanakan MyCorporateCare sebagai saluran atas talian untuk mendapat derma dan sumbangan daripada badan korporat dan individu.
11. Di bawah pendekatan inovasi sosial bagi meningkatkan lagi sistem penyampaian kita dalam membekalkan perkhidmatan kebajikan, kita akan memperluaskan konsep mengkaji kemungkinan untuk menggunakan *crowdfunding* untuk mengumpulkan derma dan sumbangan kewangan daripada masyarakat umum bagi menambahkan

kapasiti untuk membantu golongan daif dan kurang bernasib baik untuk menampung kos perubatan, pembelian aset atau membiayai kos yang lain.

12. Sehubungan itu, sebagai rakyat Malaysia yang prihatin adalah digalakkan untuk bersama-sama menyokong usaha yang dijalankan oleh kerajaan dalam membantu golongan sasaran.

## **PENUTUP**

13. Saya tidak bercadang mengambil masa yang lama untuk berucap pada petang ini. Justeru itu, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang sudi meluangkan masa untuk sama-sama memeriahkan majlis pada petang ini dan tahniah juga diucapkan kepada semua pihak yang bertungkus-lumus untuk menjayakan Majlis Berbuka Puasa Sinar Ramadhan 1437 Hijrah.

Akhir kata, semoga majlis yang diadakan pada hari ini mendapat sinar rahmat dan keberkatan dari-Nya.

Sekian, terima kasih dan selamat berbuka puasa.